



UniSHAMS
Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

IKLAN JAWATAN KOSONG AKADEMIK

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) ingin mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

MAKLUMAT JAWATAN

Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Profesional (Akademik)
Jawatan dan Gred	1) Pensyarah (Gred DS45) 2) Pensyarah Kanan (Gred DS51) 3) Profesor Madya (Gred DS53)
Bidang	1) Undang-Undang 2) Undang-Undang dan Perundangan Syariah
Skala Gaji	1) Gred DS45 - Minimum : RM 3,070.00 Maksimum: RM 11,095.00 2) Gred DS51 - Minimum : RM 5,855.00 Maksimum: RM 12,445.00 3) Gred DS53 - Minimum : RM 6,162.00 Maksimum: RM 13,235.00
Tempoh Lantikan	Dua (2) Tahun
Taraf Lantikan	Kontrak / <i>Contract of Services</i> (COS) / Kontrak untuk Perkhidmatan / <i>Contract for Services</i> (CFS)

SYARAT PERMOHONAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - i. Warganegara Malaysia; dan
 - ii. Memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
2. **Lantikan ke Jawatan Pensyarah Gred DS45**
 - i. Mempunyai kelayakan di **para 1**; dan
 - ii. Kelayakan Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Undang-Undang daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya; dan
 - iii. Kelayakan Ijazah Sarjana dalam bidang Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya; dan

- iv. Kelayakan Ijazah Sarjana dalam bidang Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Undang-Undang dan Perundangan Syariah daripada institusi pengajian tinggi tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya; dan
- v. **Keutamaan** diberikan kepada calon yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - a. Mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya **tiga (3) tahun** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam bidang Undang-Undang atau bidang Undang-Undang dan Perundangan Syariah serta memiliki permit mengajar yang sah.
 - b. Mempunyai kelulusan dalam bidang Undang-Undang dan Perundangan Syariah di peringkat Ijazah Sarjana Muda; dan
- vi. Calon hendaklah memiliki kemahiran interpersonal, komunikasi yang baik dan dedikasi yang tinggi sebagai pendidik, terlibat aktif dalam aktiviti penyelidikan, perundangan, penerbitan ilmiah dan khidmat masyarakat.

2. Lantikan ke Jawatan Pensyarah Kanan Gred DS51

- i. Mempunyai kelayakan di **para 1 dan para 2 (iii) dan (iv)**; dan
- ii. Calon hendaklah memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Undang-Undang daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (selain PhD) dalam bidangnya; dan
- iii. Memenuhi SALAH SATU syarat memohon berikut:-
 - a. Sekurang-kurangnya **dua (2) Jurnal Berwasit (Refereed Journal)** yang terdaftar dalam pangkalan data WOS/SCOPUS/(sebagai penulis utama); atau
 - b. **Satu (1) Refereed Journal** terdaftar dalam pangkalan data WOS/SCOPUS/ (**sebagai penulis utama**) dan **satu (1) buah Buku Ilmiah**.
- iv. **Keutamaan** diberikan kepada calon yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - a. Calon hendaklah mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya **lima (5) tahun** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam bidang Undang-Undang atau bidang Undang-Undang dan Perundangan Syariah serta memiliki permit mengajar yang sah.
 - b. Mempunyai kelulusan dalam bidang Undang-Undang dan Perundangan Syariah di peringkat Ijazah Sarjana Muda; dan
 - c. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan; dan
 - d. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat Istimewa mutunya; dan
 - e. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkaitan.

2. Lantikan ke Jawatan Profesor Madya Gred DS53

- i. Mempunyai kelayakan di **para 1 dan para 2 (iii) dan (iv)**; dan
- ii. Calon hendaklah memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Undang-Undang daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (selain PhD) dalam bidangnya; dan
- iii. Memenuhi SALAH SATU syarat memohon berikut:-
 - a. Sekurang-kurangnya **lima (5) Jurnal Berwasit (Refereed Journal)** dengan secara minimum dua (2) terdaftar dalam pangkalan data WOS / SCOPUS/ (**sebagai penulis utama**).
 - b. **Satu (1) buah Buku Ilmiah** iaitu penerbitan yang diiktiraf MyRA, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai penulis utama;

- c. Sekurang-kurangnya **menyelia dua (2) calon Sarjana** yang telah bergraduat, sebagai penyelia utama atau bersama.
- v. **Keutamaan** diberikan kepada calon yang memenuhi kriteria seperti berikut:
 - a. Calon hendaklah mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya **sepuluh (10) tahun** di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam bidang Undang-Undang atau bidang Undang-Undang dan Perundangan Syariah serta memiliki permit mengajar yang sah.
 - b. Mempunyai kelulusan dalam bidang Undang-Undang dan Perundangan Syariah di peringkat Ijazah Sarjana Muda; dan
 - c. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
 - d. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat Istimewa mutunya; dan
 - e. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkaitan.

KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan secara dalam talian (online) di laman sesawang <https://erekrut.unishams.edu.my/home.php> dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan Google Form yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI URUSETIA

Cik Siti Khalijah binti Abidin
Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar
Emel: unitperjawatan@unishams.edu.my | No. Telefon: 04-4991057

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

29 Januari 2026 (Khamis)